

i-Protect | i-Protect Plus

Perlindungan Penyakit Kritikal yang Penting bagi Anda



FWD Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWD Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Hubungi Talian Khidmat Pelanggan kami: 1300 22 6262

i-Protect & i-Protect Plus

Perlindungan Penyakit Kritikal yang Penting bagi Anda

Kita semua mengenali seseorang yang telah mengalami penyakit seperti kanser dan strok. Ini telah mewujudkan kesedaran yang tinggi mengenai kesan buruk Penyakit Kritikal kepada kita dan keluarga.

Berikutnya menunjukkan Penyakit Kritikal berlaku dalam kalangan rakyat Malaysia.

i-Protect dan i-Protect Plus menyediakan perlindungan yang dapat mengurangkan beban kewangan anda apabila berlaku peristiwa yang tidak dijangka.



Satu daripada empat rakyat Malaysia akan mendapat **kanser** sebelum mencapai umur 75 tahun.⁺



52,000 strok berlaku dalam setahun di Malaysia.⁺



Satu daripada lima rakyat Malaysia yang **melebihi umur 35 tahun** menghidap salah satu jenis daripada **penyakit jantung**. Ini mewakili hampir 20% daripada populasi.⁺



Penyakit jantung koronari adalah **punca utama kematian** di Malaysia dan lebih daripada 23% kematian disebabkan olehnya.*



Pada tahun 2017, dianggarkan antara **2-3 juta** rakyat Malaysia mengalami **penyakit buah pinggang kronik**. Ia menyerang **sembilan daripada setiap 100 rakyat Malaysia**.[^]

#Sumber:

⁺<https://www.thestar.com.my/lifestyle/health/2014/03/30/special-circumstances-covering-critical-illness/>

[^]<https://ringgitplus.com/en/blog/Insurance/An-Introduction-To-Critical-Illness-Insurance.html>

^{*}<http://saveaheart.my/how-much-to-cost-for-heart-surgery/>

Artikel ini ditulis dalam Bahasa Inggeris dan diterjemah ke Bahasa Melayu.

Soalan-Soalan Lazim

S: Apakah i-Protect dan i-Protect Plus?

J: i-Protect dan i-Protect Plus adalah polisi tanpa penyertaan dan boleh diperbaharui secara automatik setiap tahun yang meliputi Penyakit Kritikal seperti dinyatakan di bawah.

Penyakit Kritikal yang dilindungi	i-Protect	i-Protect Plus
1) Kanser 	✓	✓
2) Strok 	✓	✓
3) Serangan Jantung 	✓	✓
4) Pembedahan Pintasan Arteri Koronari 	✗	✓
5) Kegagalan Buah Pinggang 	✗	✓

Ia merupakan pelan perlindungan yang tidak mengandungi apa-apa unsur simpanan atau pelaburan.




Anda boleh membeli **i-Protect** dan **i-Protect Plus** secara langsung dari FWD Insurance Berhad dengan mengunjungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan FWD Insurance Berhad atau mana-mana cawangan FWD Insurance Berhad di seluruh negara. Anda juga boleh meninggalkan maklumat hubungan anda di fwd.com.my/critical-illness-insurance/i-protect-plus supaya kami dapat menghubungi anda.

S: Adakah saya layak memohon pelan ini?

J: Jika anda berumur antara 18 dan 60 tahun, anda layak mendaftar untuk pelan ini.

S: Berapakah jumlah yang boleh saya pilih untuk melindungi diri saya dan apakah tempoh perlindungan untuk pelan ini?

J: **i-Protect** dan **i-Protect Plus** menawarkan perlindungan sehingga umur 70 tahun untuk 3 & 5 Penyakit Kritikal. Anda boleh memilih daripada pelan yang mempunyai perlindungan berbeza dengan keperluan anda.

	i-Protect	Pelan A	Pelan B	Pelan C
1) Kanser				
2) Strok		RM100,000	RM300,000	RM500,000
3) Serangan Jantung				

	i-Protect Plus	Pelan A	Pelan B	Pelan C
1) Kanser				
2) Strok				
3) Serangan Jantung		RM100,000	RM300,000	RM500,000
4) Pembedahan Pintasan Arteri Koronari				
5) Kegagalan Buah Pinggang				

Selepas didiagnosi menghidap salah satu daripada Penyakit Kritikal di bawah Pakej yang Dipilih: **i-Protect** dan **i-Protect Plus**, 100% daripada Jumlah Diinsuranskan akan dibayar. Selepas itu, polisi ini akan ditamatkan.

S: Berapa lamakah perlu saya membayar premium?

J: **i-Protect** dan **i-Protect Plus** boleh diperbaharui secara automatik setiap tahun sehingga umur 70 tahun mengikut kadar premium pada waktu pembaharuan. Kadar premium adalah berbeza bergantung pada umur dan jantina anda. Bagi mendapatkan rujukan pantas mengenai jumlah premium yang perlu dibayar untuk pelan yang anda minat, sila layari fwd.com.my/critical-illness-insurance/i-protect-plus.

S: Bagaimanakah boleh saya melakukan tuntutan?

J: Hubungi kami di 1 300 22 6262 atau layari fwd.com.my/insurance/claims untuk mengetahui langkah-langkah untuk melakukan tuntutan. Bagi mempercepatkan pembayaran wang polisi semua melakukan tuntutan, sila muat turun dan lengkapkan Borang Pencalonan di laman web kami di fwd.com.my/insurance/forms.

S: Apakah pengecualian di bawah pelan ini?

J: Pengecualian di bawah pelan ini termasuk:

- a. Penyakit sedia ada; atau
- b. Jika Penyakit Kritikal didiagnosis dalam Tempoh Menunggu seperti yang ditakrifkan.
 - i) Tempoh Menunggu selama 60 hari akan digunakan bagi kategori Penyakit Kritikal berikut:
 - Kanser – Keparahan Tertentu dan Tidak Melindungi Kanser Tahap Awal;
 - Pembedahan Pintasan Arteri Korobari;
 - Serangan Jantung – Keparahan Tertentu.
 - ii) Tempoh Menunggu selama 30 hari akan digunakan untuk Strok dan Kegagalan Buah Pinggang.
- c. Diagnosis kedua bagi Penyakit Kritikal yang sama; atau
- d. Tuntutan berikutnya yang timbul daripada Penyakit Kritikal; atau
- e. Daripada kecederaan yang disengajakan atau sebarang ancaran untuk mencederakan diri sendiri sama ada ketika waras atau tidak waras.

Pengecualian yang dinyatakan di atas adalah tidak lengkap. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada kontrak polisi.

Nota Penting

Kadar premium tidak dijamin. Kami akan memaklumkan anda mengenai perubahan dalam kadar premium dengan memberikan anda notis sekurang-kurangnya 30 hari terlebih dahulu.

Anda harus memastikan anda berpuas hati bahawa pelan ini paling sesuai dengan keperluan anda dan bahawa premium yang perlu dibayar adalah jumlah yang anda mampu bayar.

Anda diberi tempoh tempoh 31 hari dari tarikh akhir untuk melakukan bayaran premium anda. Premium yang tidak dibayar mungkin menyebabkan perlindungan ditamatkan.

Tempoh percubaan selama 15 hari diberikan untuk anda menyemak kesesuaian pelan selepas anda menerima kontrak polisi. Jika anda memulangkan kontrak polisi kepada Syarikat dalam tempoh ini, semua premium yang dibayar akan dikembalikan kepada anda, tanpa faedah, dan kontrak polisi akan dianggap tidak sah dari permulaannya.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara risalah Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina, versi Bahasa Inggeris ini akan digunapakai.

Risalah ini adalah untuk maklumat umum sahaja. Ia bukan suatu kontrak insurans. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Helaian Pendedahan Produk, Buku Pendidikan Pengguna mengenai IPK dan contoh dokumen polisi untuk ciri-ciri penting dan manfaat terperinci pelan sebelum membeli pelan.

Premium yang dibayar untuk pelan ini mungkin layak mendapat pelepasan cukai, tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Untuk maklumat lanjut

Sembang secara langsung dengan kami
di fwd.com.my atau e-mel ask@fwd.com



**Talian Khidmat
Pelanggan**

1 300 22 6262

Waktu operasi: 8.30am
– 5.30pm, Isnin hingga
Jumaat, kecuali cuti umum

Mengenai FWD Insurance Berhad

FWD Insurance Berhad (“FWD Insurance”) ialah sebahagian daripada Kumpulan FWD, syarikat insurans pan-Asia terkemuka dengan lebih 13 juta* pelanggan merentasi 10 pasaran, termasuk beberapa pasaran insurans yang paling pesat berkembang di dunia. FWD mencapai ulang tahunnya yang ke-10 pada 2023. Syarikat memberi tumpuan untuk menjadikan perjalanan insurans lebih mudah, pantas dan lancar dengan cadangan yang inovatif dan produk yang mudah difahami, disokong oleh teknologi digital. Melalui pendekatan yang diterajui oleh pelanggan kami, FWD komited untuk mengubah cara orang ramai berfikir tentang insurans.

*Pada Mar 2024

Mengenai Bank Simpanan Nasional

Bank Simpanan Nasional (BSN) ialah bank pertama dan paling lama beroperasi di Malaysia, memberi tumpuan dalam menggalakkan tabiat menabung dan pelaburan secara aktif di kalangan rakyat Malaysia.